

# Jangan takut kepada tekanan politik: PM

18 JUL 1985

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan bakal-bakal haji supaya jangan takut kepada tekanan politik daripada mana-mana pihak.

Beliau menasihatkan mereka supaya bertenang dalam menghadapi soal pilihanraya dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada ibadat haji.

"Saya berdoa supaya mereka dapat mengerjakan ibadat haji dalam keadaan selesa dan tidak diganggu oleh fikiran mengenai pilihanraya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar antarabangsa mengenai komoditi di sini pagi ini.

Perdana Menteri berkata, bakal-bakal haji tidak seharusnya gelisah atau terganggu dengan pelbagai perkara mengenai pilihanraya.

"Kalau mereka benar-benar berminat untuk mengundi mereka boleh melwatkan pemergian ke Tanah Suci," jelasnya.

Beliau berpendapat ramai bakal haji tahun ini dapat mengundi sebelum mereka ke Tanah Suci.

Menurutnya, kalau parti mereka mampu membawa mereka balik untuk mengundi sudah tentu mereka berpeluang mengundi dalam pilihanraya umum ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pilihanraya umum bukan kali ini sahaja kerana ia diadakan setiap lima tahun.

Beliau berkata ada juga calon BN yang akan menunaikan fardu haji tahun ini tetapi ia tidak menghalang mereka bertanding.

Sementara itu, ramai jemaah haji yang sepatutnya bertolak sebelum tarikh pemuangan undi sudah memo-

hon kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya mereka ditukarkan ke penerbangan selepas 3 Ogos.

Mereka adalah sebahagian daripada kira-kira 20,000 jemaah yang dijangka tidak berpeluang menggunakan hak mengundi dalam pilihanraya kerana penerbangan mereka sebelum 3 Ogos.

Bagaimanapun, setakat ini Tabung Haji tidak dapat memastikan jumlah sebenar mereka yang ingin menukar penerbangan dengan alasan ingin mengundi kerana kebanyakan permohonan itu dibuat secara lisan atau melalui telefon.

Pengarah Pengendalian Haji, Haji Hasnan Darwis, menasihatkan jemaah yang ingin menukar tarikh penerbangan membuat permohonan secara rasmi.

"Semua permohonan menukar penerbangan mesti dibuat secara bertulis. Permohonan secara lisan atau melalui telefon tidak dapat dilayan.

"Keputusan sama ada permohonan mereka dapat dipenuhi atau tidak bergantung kepada banyak faktor, antaranya kekosongan tempat dalam penerbangan yang dipohon," katanya hari ini.

Beliau berkata tarikh bertolak untuk semua jemaah sudah ditetapkan dan adalah sukar bagi pihaknya memenuhi permintaan mereka yang ingin menukar penerbangan melainkan ia dibuat secara suka sama suka.

Katanya pengendalian pengurusan jemaah haji ke Makkah tahun ini dijalankan seperti biasa, dan ia tidak mengambil kira tarikh membuang undi yang hanya diumumkan Sabtu lalu.

Kira-kira 19,500 bakal haji tidak dapat mengundi.